

PLUS: RANCANG PERJALANAN DENGAN MYPLUS-TTA SEMPENA DEEPAVALI DAN CUTI SEKOLAH TAMBAHAN

Petaling Jaya, 16 Oktober 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik akan mencecah sehingga 2.2 juta kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak di rangkaian lebuh raya kendaliannya iaitu pada 17 Oktober, 18 Oktober dan 21 Oktober 2025 sempena sambutan perayaan Deepavali dan cuti sekolah tambahan yang diumumkan oleh Kerajaan.

PLUS telah bersiap sedia dan memberi tumpuan khusus kepada pengagihan trafik, pengurusan kesesakan dan keselesaan pengguna bagi membantu orang ramai menikmati perjalanan yang lebih lancar, selamat dan selesa di lebuh raya pada musim perayaan Deepavali kali ini.

Diskaun tol 50 peratus pada 18 Oktober hingga 19 Oktober 2025

Kerajaan telah mengumumkan pemberian diskaun tol sebanyak 50% daripada kadar tol biasa bagi kenderaan Kelas 1 (Kelas 2 di Jambatan Pulau Pinang) pada 18 Oktober 2025 sehingga 19 Oktober 2025 bagi meraikan perayaan Deepavali tahun ini.

Pemberian diskaun tol 50% ini akan dilaksanakan di kesemua lebuh raya bermula jam 12.01 tengah malam, pada 18 Oktober 2025 (Sabtu) dan berakhir jam 11.59 malam, pada 19 Oktober 2025 (Ahad) di semua plaza tol KECUALI plaza tol di pintu masuk sempadan negara iaitu Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar dan Plaza Tol Tanjung Kupang (di Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura - Linkedua).

Rancang perjalanan lebih awal dengan MyPLUS-TTA

Untuk mengagihkan trafik, PLUS mengeluarkan jadual perjalanan dengan pendekatan digital menerusi MyPLUS-TTA. Sehubungan itu, pengguna lebuh raya disarankan untuk merancang perjalanan lebih awal dan mendapatkan jadual perjalanan menerusi MyPLUS-TTA di aplikasi PLUS bagi perjalanan di Lebuhraya PLUS dan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) di antara 17 Oktober hingga 22 Oktober 2025 akan datang.

Dengan penambahbaikan terbaharu, MyPLUS-TTA kini boleh diakses bukan sahaja pada musim-musim perayaan, malah pada hari-hari puncak terpilih. Ia direka untuk membantu pengguna lebuh raya merancang perjalanan di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dengan lebih efisien serta membantu memastikan aliran trafik yang lebih lancar.

Oleh itu, PLUS menasihatkan orang ramai supaya menyusun jadual perjalanan mereka berdasarkan MyPLUS-TTA yang dikeluarkan bukan sahaja bagi perjalanan keluar dari Lembah Klang untuk pulang ke kampung, malah menyusun jadual perjalanan kembali semula ke Lembah Klang selepas bercuti sempena Deepavali. Untuk mengakses jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA, muat turun atau kemas kini aplikasi PLUS untuk merancang perjalanan dengan lebih mudah.

Smart Lane di 28 lokasi tumpuan trafik di lebuh raya

Bagi mengurus kesesakan dan melancarkan pergerakan trafik, PLUS akan mengaktifkan laluan Smart Lane di 28 lokasi tumpuan trafik di lebuh raya bagi membantu melancarkan pergerakan trafik di lokasi-lokasi kritikal di lebuh raya sempena musim perayaan Deepavali kali ini.

(Sila rujuk lampiran A untuk lokasi pengaktifan Smart Lane).

Orang ramai boleh mengenal pasti pembukaan serta pengaktifan Smart Lane menerusi papan tanda pemberitahuan serta paparan *Lampu Hijau Berkelip* (Green Flashing Light) di lokasi pengaktifan. PLUS juga menyarankan pengguna lebuh raya untuk mematuhi arahan semasa oleh petugas di lokasi dan memberi kerjasama sepenuhnya ketika Smart Lane diaktifkan.

Smart Lane boleh digunakan oleh kenderaan ringan, persendirian atau penumpang. Ketika Smart Lane diaktifkan, pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya memandu dengan had laju yang disarankan iaitu sekitar 60 km/j. Walau bagaimanapun, pengguna lebuh raya dilarang sama sekali menggunakan lorong kecemasan di lokasi lain yang tidak mempunyai laluan Smart Lane bagi mengelak berdepan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Sementara itu, PLUS akan memastikan tiada penutupan lorong untuk kerja-kerja penyelenggaraan di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) di antara 17 Oktober hingga 23 Oktober 2025 bersempena dengan musim perayaan kali ini. Namun begitu, pengecualian diberikan sekiranya berlaku kemalangan, kerja-kerja kecemasan atau pembaikan kritikal yang berisiko kepada keselamatan pengguna lebuh raya yang perlu diselenggarakan dengan segera.

Keselesaan Pengguna

Bagi membantu melancarkan lagi pergerakan perjalanan orang ramai sepanjang tempoh perayaan Deepavali kali ini, PLUS turut mengambil beberapa langkah lain yang merangkumi persediaan di plaza tol dan kawasan rehat dan rawat (R&R).

PLUS juga memohon kerjasama orang ramai supaya dapat merancang perjalanan mereka dan menggunakan kemudahan awam lain seperti tandas dan surau yang disediakan di plaza-plaza tol atau kawasan rehat terdekat sepanjang lebuh raya.

(Sila rujuk Lampiran B untuk persediaan PLUS)

Pada masa yang sama, pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X@plustrafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen radio utama negara.

Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan. Kami juga menasihatkan pengguna supaya menggunakan aplikasi PLUS, aplikasi Waze atau *Google Maps* untuk merancang dan mendapatkan pelan perjalanan dengan lebih baik pada musim perayaan kali ini.

KENYATAAN MEDIA

Selain itu, pengguna di lebuh raya dinasihatkan untuk memastikan baki kad Touch 'n Go dan eWallet (bagi pengguna RFID) mencukupi sebelum memulakan perjalanan. Pastikan kad Touch 'n Go juga tidak tamat tempoh dan menyemak status kad menerusi portal atau aplikasi Touch 'n Go.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---

LAMPIRAN A

28 LOKASI SMART LANE AKAN DIAKTIFKAN SEMPENA DEEPAVALI

Berikut adalah lokasi pengaktifan Smart Lane mengikut wilayah di Lebuhraya PLUS sepanjang musim perayaan Deepavali 2025.

Wilayah Utara (3 lokasi)

Bil	Lokasi
1	Bertam hingga Sg. Dua KM120.6 hingga KM128.0 (Arah Selatan)
2	Bukit Tambun hingga Plaza Tol Juru KM150.4 hingga KM146.4 (Arah Utara)
3	Hentian Sebelah Sg. Bakap hingga Jawi KM159.3 hingga KM162.7 (Arah Selatan)

Wilayah Tengah (17 lokasi)

Bil	Lokasi
1	Gua Tempurung hingga Gopeng KM303.2 hingga KM297.0 (Arah Utara)
2	Slim River hingga Sungkai KM367.3 hingga KM354.0 (Arah Utara)
3	Sungkai hingga Slim River KM354.0 hingga KM356.0 (Arah Selatan)
4	Kawasan Rehat & Rawat Rawang hingga Sg. Buaya KM439.5 hingga KM435.5 (Arah Utara)
5	Hentian Sebelah Rawang hingga Rawang KM437.1 hingga KM443.3 (Arah Selatan)
6	Bukit Beruntung hingga Sg. Buaya KM429.0 hingga KM434.0 (Arah Selatan)
7	Setia Alam hingga Shah Alam KM4.3 hingga KM8.1 (Arah Utara)
8	Shah Alam hingga Setia Alam KM8.4 hingga KM7.0 (Arah Selatan)
9	Susur Keluar Petron, NKVE hingga Subang KM11.2 hingga KM13.3 (Arah Utara)
10	Nilai hingga Kawasan Rehat & Rawat Seremban KM280 hingga KM276 (Arah Selatan)
11	Putra Mahkota hingga Southville KM289.4 hingga KM292.6 (Arah Utara)
12	Southville hingga Putra Mahkota KM289.5 hingga KM293.5 (Arah Selatan)
13	Restoran Jejantas USJ hingga Seafield KM8.2 hingga KM5.4 (Arah Utara)
14	Bandar Saujana Putra hingga Putra Heights KM16.3 hingga KM13.2 (Arah Utara)

Bil	Lokasi
15	Putra Heights hingga Bandar Saujana Putra KM13.8 hingga KM15.7 (Arah Selatan)
16	Susur Masuk dari Lebuhraya MEX ke Lingkaran Putrajaya - Cyberjaya KMP7.4 hingga KMP7.9 (Arah Selatan)
17	Lingkaran Putrajaya KMP3.0 – KM4.0 (Arah Timur)

Wilayah Selatan (8 lokasi)

Bil	Lokasi
1	Port Dickson hingga Seremban KM259.6 hingga KM263.1 (Arah Utara)
2	Simpang Ampat – Pedas Linggi KM230 hingga KM235 (Arah Utara)
3	Ayer Keroh hingga Hentian Sebelah Kg. Bemban KM194.5 hingga KM184.0 (Arah Selatan)
4	Kulai hingga Hentian Sebelah Kulai KM27.0 hingga KM34.0 (Arah Utara)
5	Dato' Onn hingga Pasir Gudang KM4.5 hingga KM1.9 (Arah Selatan)
6	Pandan hingga Kempas KM0.4 hingga KM6.0 (Arah Utara)
7	Pedas Linggi hingga Senawang KM244 hingga KM248.5 (Arah Utara)
8	Tangkak hingga Jasin KM174 hingga KM180.2 (Arah Utara)

LAMPIRAN B

RINGKASAN PERSEDIAAN PLUS BANTU PENGGUNA NIKMATI PERJALANAN SELAMAT DAN LEBIH SELESA PADA MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2025

Fokus	Pendekatan
Pengagihan Trafik	Rancang perjalanan menerusi MyPLUS-TTA secara digital di Aplikasi PLUS pada musim perayaan bagi perjalanan di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bermula 17 Oktober hingga 22 Oktober 2025 .
Pengurusan Trafik yang efisien	Membuka semua lorong masuk dan keluar di plaza tol.
	Tiada penutupan lorong untuk kerja-kerja penyelenggaraan di lebuhraya di antara 17 Oktober hingga 23 Oktober 2025 (kecuali kerja-kerja kecemasan & pengalihan kemalangan serta pembaikan kritikal).
	Mengaktifkan laluan Smart Lane di 28 lokasi terpilih di lebuhraya untuk menambah kapasiti lorong untuk membantu menyuraikan kesesakan dan melancarkan perjalanan trafik (bergantung kepada keperluan & keadaan trafik semasa).
	Menempatkan kren & trak tunda di lokasi-lokasi terpilih bagi mempercepatkan proses pengalihan dan penundaan kenderaan.
Keselesaian Pengguna	Lebih 5,000 keseluruhan petugas dalam ekosistem lebuhraya untuk memberi bantuan kepada pengguna lebuhraya.
	Kira-kira 1,500 kakitangan untuk bantu operasi di plaza tol dan lebih 1,000 lorong tol beroperasi.
	Lebih 450 jumlah keseluruhan anggota rondaan PLUS Ronda dan LPT2 Ronda.
	Lebih 60 petugas di Pusat Pemantauan Trafik (TMC) untuk menguruskan talian PLUSLine (1800-88-0000) dan LPT2 Line (1800-88-0220) untuk menyelaras bantuan.
	Lebih 3,500 kakitangan penyelenggaraan di semua R&R, hentian sebelah dan plaza tol.
	Semua kemudahan awam seperti tandas, surau dan stesen minyak di kawasan rehat dibuka 24 jam sehari.
	Menempatkan lebih 300 anggota RELA di R&R, hentian sebelah dan plaza tol terpilih untuk pengurusan trafik.